

24 OCT 2003

Mahathir-Pemaaf/I

DR MAHATHIR, TEGAS TETAPI PEMAAF

Oleh: Sajad Hussain

PUTRAJAYA, 24 Okt (Bernama) -- Selama ini kebanyakan kita hanya mengenali Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai perdana menteri yang tegas, tekun bekerja dan tidak mudah bertolak ansur dengan perkara-perkara yang tidak menyenangkan beliau.

Namun, tidak ramai yang tahu bahawa di sebalik ketegasan beliau, Dr Mahathir memiliki satu lagi sifat yang jarang dimiliki oleh pemimpin besar lain iaitu mudah memberi maaf.

Rahsia ini didedahkan kepada Bernama oleh rakan lama Dr Mahathir dalam Umno yang kini menjadi setiausaha politik beliau, Datuk Mohamad Johari Baharum. Menurut Johari, sifat terpuji yang dimiliki oleh pemimpin yang banyak berjasa kepada negara ini terserlah dalam beberapa episod penting yang mewarnai persada politik tanah air sepanjang beliau berkhidmat sebagai Perdana Menteri selama 22 tahun.

Sifat pemaaf yang dimiliki Dr Mahathir dapat dilihat dengan jelas dalam kemasukan semula Parti Bersatu Sabah (PBS) ke dalam Barisan Nasional dan episod yang melibatkan bekas ketua pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, tokoh korporat dan mereka yang pernah menjadi musuh politik beliau.

Dalam kes yang melibatkan PBS, Johari berkata pada tahun 1990, parti itu yang merupakan antara komponen terkuat dalam BN Sabah, diharapkan dapat menyumbang 20 kerusi parlimen kepada parti gabungan itu pada pilihan raya umum tahun berkenaan.

Bagaimanapun, seperti yang diketahui umum, menjelang hari pengundian, PBS mengkhianati BN dengan meninggalkan parti gabungan itu.

Johari berkata: "Tindakan PBS yang dipimpin oleh Datuk Joseph Pairin Kitingan ini merupakan sesuatu yang amat malang dan menggagalkan Barisan Nasional.

"Pada waktu itu juga, Umno, anggota utama BN, berada dalam keadaan yang

amat tidak menentu dan memerlukan bantuan serta pertolongan daripada rakan gabungannya dan penarikan diri PBS itu amat melukakan hati Dr Mahathir."

Alhamdulillah, walaupun terpaksa menghadapi keadaan yang amat menyulitkan itu, BN tetap memenangi pilihan raya berkenaan dan apa yang membanggakan ialah 10 tahun kemudian, jauh daripada bersikap bongkak dan pendendam, sebagai pengerusi BN, Dr Mahathir dengan hati terbuka sedia menerima semula PBS ke pangkuan parti gabungan itu.

Johari berkata perkara utama yang menjadi pertimbangan Dr Mahathir dalam menerima semula kemasukan parti itu ke dalam BN ialah nasib rakyat Sabah yang tidak berpeluang menikmati kemajuan di bawah pemerintahan kerajaan PBS.

Johari berkata ketika kali pertama beliau menimbulkan isu kemasukan semula PBS kepada para pemimpin kanan BN, semua mereka meragui parti itu akan diterima semula berdasarkan dosanya kepada BN.

"Bagaimanapun, apabila menemui Dr Mahathir dan memaklumkan kepada beliau bagaimana kaum Kadazan-Dusun dipinggirkan dan keadaan mereka yang memerlukan pertolongan, beliau tidak menampakkan sikap marah dan sebaliknya meminta agar disiasat sama ada PBS benar-benar ikhlas untuk kembali semula (ke pangkuan BN) dan bekerja untuk membela nasib rakyat.

"Bersama Datuk Kalimullah Hassan (kini Pengerusi Bernama), saya menemui Datuk Pairin dan menjalankan tugas awal serta membawanya berjumpa Perdana Menteri bagi menyerahkan borang permohonan.

"Pairin bimbang PM akan mengenakan syarat ketat berhubung kemasukan semula itu, tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya dan beliau terkejut kerana Dr Mahathir bukan saja menerima permohonan itu tanpa sebarang syarat, malah melayan Pairin dan timbalan presiden PBS, Datuk Dr Maximus Ongkili, dengan amat mesra serta mengiringi mereka hingga ke pintu apabila pertemuan itu selesai.

"Pertemuan yang pada mulanya dijadualkan berlangsung selama 15 minit ini, berlanjutan hingga 45 minit.

"Ini amat menyentuh perasaan Pairin dan membuat beliau menitikkan air

mata," kata Johari.

Bagi Zahid pula, beliau dikenali ramai sebagai ketua Pemuda Umno yang pernah menjadi penyokong kuat Datuk Seri Anwar Ibrahim dan mengkritik Dr Mahathir dengan begitu lantang termasuk menuduh beliau mengamalkan nepotisme dan mementingkan kroni pada perhimpunan agung Umno 1996.

Bagaimanapun, seperti yang tercatat dalam sejarah, Zahid kemudiannya menarik balik apa yang beliau ucapkan pada perhimpunan itu dan meminta maaf kepada Dr Mahathir atas keterlanjurannya itu. Apa yang tidak diduga oleh kebanyakan orang ialah Dr Mahathir bukan saja memaafkan beliau, malah memberi ruang kepadanya dalam dunia korporat.

Semua ini menunjukkan betapa berhemahnya seorang pemimpin bernama Mahathir - satu lagi keistimewaan dan sifat terpuji yang dimiliki Perdana Menteri, yang patut diketahui semua orang, kata Johari.

-- BERNAMA

SH RYN SP RON